

08 SEP 1998

LEAD Mahathir-Anwar

PEMIMPIN UMNO TERIMA PENJELASAN MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Kira-kira 5,000 pemimpin UMNO peringkat bahagian dan cawangan yang berkumpul di sini hari ini menerima penjelasan Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Nampaknya mereka menerima...tidak ada tanda-tanda mereka tidak menerima (penjelasan saya)," kata beliau kepada pemberita selepas perjumpaan khas tertutup selama lebih sejam di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Dr Mahathir berharap selepas penjelasannya itu, beliau tidak perlu lagi menjelaskan perkara berkenaan.

Dr Mahathir, yang awal hari ini berkata Anwar dilucutkan jawatan kerana "moral yang rendah" menegaskan bahawa beliau menjelaskan kepada anggota UMNO mengenai insiden yang menyebabkan Anwar dilucutkan jawatan.

Perjumpaan itu dihadiri oleh pemimpin peringkat negeri, bahagian dan cawangan. Ia merupakan penjelasan pertama secara terus oleh Dr Mahathir kepada parti sejak Anwar dilucutkan jawatan daripada Kabinet Rabu lalu dan pemecatannya daripada parti sehari selepas itu

"Saya memberitahu mereka bahawa beliau tidak layak untuk memimpin negara kerana perlakuannya yang menyebabkan beliau tidak layak menjadi pemimpin," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata selain siasatan polis, beliau menjalankan siasatan sendiri berhubung dengan dakwaan terhadap Anwar dan yakin (mengenai penglibatan Anwar).

Anwar menghadapi pelbagai dakwaan salah laku termasuk terbabit dalam skandal seks, membocorkan rahsia negara dan mengancam keselamatan negara.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan Anwar diterima semula ke dalam parti berdasarkan rayuan oleh beberapa bahagian dari Pulau Pinang, Dr Mahathir berkata: "Tidak, tiada harapan."

Beliau berkata para pemimpin Umno akan membantu menjelaskan kepada rakyat apa yang berlaku memandangkan ramai yang masih keliru.

"Mereka perlu diberi penjelasan," kata beliau.

Bagaimanapun, mungkin ada sesetengah anggota yang keras hati yang tidak dapat menerima penjelasan walaupun selepas perkara itu dijelaskan kepada mereka.

Ketika ditanya sama ada beliau juga harus memberi penjelasan kepada semua rakyat Malaysia, Perdana Menteri berkata: "Saya berpendapat saya tidak perlu menjelaskan kepada rakyat mengenai perkara itu kerana lambat-laun, mereka akan memahaminya."

-- BERNAMA

es sj faz